

**PENGLIBATAN PENIAGA DUSUN DALAM AKTIVITI
TAMU DI KOTA BELUD, BORNEO UTARA,
1881 – 1963**



MARRY BINTI LALIM

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

**PENGLIBATAN PENIAGA DUSUN DALAM AKTIVITI
TAMU DI KOTA BELUD, BORNEO UTARA,
1881 – 1963**

MARRY BINTI LALIM



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : **PENGLIBATAN ORANG DUSUN DALAM AKTIVITI PERNIAGAAN DI PASAR TAMU DI KOTA BELUD, BORNEO UTARA (1881–1963)**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **MARRY BINTI LALIM** Sesi **2018-2023**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini, disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

TERHAD

/

TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan Oleh,



ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

MARRY BINTI LALIM
MA1811040T

(Tandatangan Pustakawan)



(Dr. Maureen De Silva)
Penyelia

Tarikh : 13 Mac 2023

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

24 November 2022



Marry Binti Lalim
MA1811040T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **MARRY BINTI LALIM**
NO. MATRIK : **MA1811040T**
TAJUK : **PERKEMBANGAN PERNIAGAAN KECIL MASYARAKAT
DUSUN KOTA BELUD BORNEO UTARA (1881-1963)**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
BIDANG : **SEJARAH**
TARIKH VIVA : **24 NOVEMBER 2022**



DISAHKAN OLEH;

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

A handwritten signature in black ink, appearing to read "maureen de silva".

PENYELIA

Dr. Maureen De Silva

PENGHARGAAN

Saya, Marry binti Lalim sangat bersyukur atas rahmat Tuhan sehingga saya dapat menyiapkan penyelidikan peringkat Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah) ini. Tanpa kekuatan dan penyertaan dari-Nya, mustahil saya dapat menyiapkan penyelidikan ini sehingga selesai.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang proses mendapatkan maklumat tesis ini terutamanya di bahagian Arkib Negeri Cawangan Negeri Sabah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan National University of Singapore serta individu-individu telah saya temubual untuk memberikan maklumat penting dalam menyiapkan tesis ini. Penghargaan turut diberikan kepada semua pensyarah Program Sejarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusian, Universiti Malaysia Sabah yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang tempoh penulisan ini. Kritikan dan nasihat yang membina sangat saya hargai dan banyak membantu dalam proses penambahanbaikan penulisan yang dihasilkan.

Seterusnya, saya seikhlasnya ingin menyampaikan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Maureen De Silva kerana tidak pernah jemu memberi tunjuk ajar kepada saya dan sokongan mental sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah. Tanpa tunjuk ajar beliau, sudah pasti saya tidak dapat memahami kaedah penulisan sepenuhnya dalam bidang penyelidikan yang saya lakukan sehingga berjaya menyiapkan penyelidikan ini.


Terima kasih buat ibubapa, keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberikan saya semangat untuk meneruskan perjuangan sehingga berjaya menyiapkan penulisan ini. Akhir kata, semoga Tuhan sentiasa memberkati dan membalas jasa kalian.

Sekian, terima kasih.

Marry bt. Lalim
24 November 2022

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang penglibatan orang Dusun dalam aktiviti perniagaan di Pasar Tamu di Kota Belud sepanjang era penjajahan iaitu pada tahun 1881 sehingga 1963. Perubahan dasar yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan penjajah di Borneo Utara sememangnya mempengaruhi kegiatan sehari-hari masyarakat di Kota Belud pada ketika itu, khususnya masyarakat Dusun. Dalam masa yang sama kajian ini adalah untuk menilai perkembangan kegiatan perniagaan kecil masyarakat Dusun di Kota Belud serta mengkaji peranan yang diberikan oleh pihak kerajaan penjajah serta pentadbir tempatan dalam menyokong segala usaha masyarakat Dusun dalam meningkatkan ekonomi di daerah tersebut. Kajian ini juga menjelaskan tentang reaksi masyarakat Dusun terhadap dasar dan polisi yang dilaksanakan oleh kerajaan pemerintah dalam usaha menyesuaikan diri bagi setiap perubahan yang dilaksanakan. Berdasarkan kepada penelitian ke atas sumber primer seperti dokumen rasmi, akhbar, laporan pentadbiran pihak penjajah, kajian ini mendapati bahawa kegiatan perniagaan kecil yang dijalankan dalam kalangan masyarakat Dusun ini menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha mereka untuk terus berada dalam sektor ekonomi ini. Namun demikian, mereka tetap kekal dalam perniagaan kecil ini sehingga mampu menjadikan kegiatan tersebut sebagai salah satu sumber pendapatan utama mereka untuk menyara keluarga. Kajian ini juga menilai tentang kesan penglibatan masyarakat Dusun dalam perniagaan kecil ini yang sememangnya membawa banyak perubahan dalam aspek politik, sosial dan ekonomi. Justeru dengan itu, penglibatan masyarakat Dusun dalam perniagaan kecil ini semasa era penjajahan sememangnya wujud namun tidak pernah ditonjolkan dalam catatan sejarah secara terperinci.




UNIVERSITI
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

THE DEVELOPMENT OF DUSUN SMALL BUSINESS COMMUNITY IN KOTA BELUD, NORTH BORNEO (1881-1963)

This study aims to examine the involvement of Dusun people in business activities at Pasar Tamu in Kota Belud throughout the colonial era, which is from 1881 to 1963. The policy changes implemented by the colonial government in North Borneo indeed affected the daily activities of the community in Kota Belud at that time, especially Dusun community. At the same time, this study is to evaluate the development of small business activities of the Dusun community in Kota Belud as well as examine the role given by the colonial government and the administration in supporting all the efforts of the local Dusun community in improving the economy in the area. This study also explains the reaction of the Dusun community to the policies and policies implemented by the government in an effort to adapt to each change implemented. Based on a study of primary sources such as official documents, newspapers, colonial administrative reports, this study found that small business activities carried out among the Dusun community face various challenges in their efforts to continue being in this economic sector. Nevertheless, they still remain in this small business so that they are able to make this activity one of their main sources of income to support their families. This study also evaluates the impact of Dusun community involvement in this small business which indeed brings many changes in political, social and economic aspects. Therefore, the involvement of the Dusun community in this small business during the colonial era certainly existed but was never highlighted in historical records in detail.



UNIVERSITI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	X
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Sorotan Literatur	7
1.5	Kepentingan Kajian	15
1.6	Skop Kajian	17
1.7	Metodologi Kajian	18
	1.7.1 Kaedah Arkib	19
	1.7.2 Kaedah Perpustakaan	20
	1.7.3 Kaedah Temubual	21
1.8	Pembahagian Bab	21
1.9	Kesimpulan	24



BAB 2: KEGIATAN AWAL MASYARAKAT DUSUN SEBELUM ERA PENJAJAHAN

2.1	Pengenalan	25
-----	------------	----

2.2	Latar Belakang Demografi Kota Belud dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Dusun di Kota Belud sebelum kedatangan penjajah	31
2.3	Ciri-ciri Perniagaan Kecil dalam kalangan Masyarakat Dusun Kota Belud	38
2.4	Perkembangan awal Perniagaan Kecil di Kota Belud	44
2.5	Kesimpulan	47
BAB 3: KEGIATAN PERNIAGAAN KECIL SEMASA ZAMAN SYARIKAT BORNEO UTARA BRITISH (1881– 1941)		
3.1	Pengenalan	49
3.2	Perkembangan Pertadbiran SBUB di Kota Belud	50
3.3	Fungsi Tamu semasa Era Penjajahan SBUB	51
3.4	Cabarani Peniaga Dusun semasa Era Pentadbiran SBUB	57
3.5	Peranan Pentadbir Tempatan dalam perniagaan Kecil	61
3.6	Peranan Pentadbir SBBU dalam Perniagaan Kecil	64
3.7	Reaksi Peniaga Dusun Terhadap Pentadbiran SBUB	66
3.8	Kesimpulan	68
BAB 4: PERKEMBANGAN KEGIATAN PERNIAGAAN KECIL PADA ERA PENDUDUKAN JEPUN (1942-1945)		
4.1	Pengenalan	70
4.2	Kedatangan Tentera Jepun ke Kota Belud	71
4.3	Dasar Pentadbiran Jepun di Kota Belud	77
4.4	Cabarani Peniaga Dusun semasa Era Pendudukan Jepun	82
4.5	Peranan Pentadbir Tempatan dalam Perniagaan Kecil	87
4.6	Peranan Pentadbir Jepun dan Reaksi Peniaga Dusun terhadap Pentadbiran Jepun	89
4.7	Kesimpulan	95

**BAB 5: PERKEMBANGAN PERNIAGAAN KECIL ZAMAN
KOLONIAL BRITISH (1946 – 1963)**

5.1	Pengenalan	97
5.2	Sistem Pentadbiran Kolonial British di Kota Belud	98
5.3	Cabarani Perniagaan Kecil semasa Era Kolonial British	103
5.4	Peranan Pentadbir Kolonial British dalam Perniagaan Kecil	107
5.5	Peranan Pentadbir Tempatan dalam Perniagaan Kecil	112
5.6	Reaksi Peniaga Dusun Terhadap Dasar Kolonial British	114
5.7	Kesimpulan	116
BAB 6: KESIMPULAN		118
RUJUKAN		124



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 : Senarai Lokasi Tamu di Kota Belud, Borneo Utara

Halaman
52



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Populasi Penduduk Pribumi Borneo Utara	28
Rajah 2.2 : Peta daerah Kota Belud	30
Rajah 2.3 : Orang Dusun Kota Belud	32
Rajah 2.4 : Orang Bajau Tempasuk	33
Rajah 2.5 : Pertukaran sama	39
Rajah 2.6 : Pertukaran Barang Perantaraan	40
Rajah 2.7 : Pertukaran Bermotif	41
Rajah 2.8 : Pertukaran dua hala	41
Rajah 2.9 : Pertukaran Sehala	42
Rajah 2.10 : Kedudukan teluk di Borneo Utara semasa Pentadbiran Kesultanan Brunei dan Pentadbiran Kesultanan Sulu	46
Rajah 3.1 : Lokasi Tamu Kota Belud, Borneo Utara	53
Rajah 3.2 : Bersiap-siap ke tamu sehari lebih awal	55
Rajah 3.3 : Masyarakat Dusun Tempat Menuju ke Tamu Secara Berkelompok	56
Rajah 4.1 : Kedudukan daerah Semasa Pentadbiran Jepun di Borneo Utara 1942-1945	77
Rajah 5.1 : Peta Tanah Jajahan Kolonial British Borneo Utara	102
Rajah 5.2 : Kerbau digunakan salah satu alat pengangkutan utama	105
Rajah 5.3 : Majlis Daerah Kota Belud	108
Rajah 5.4 : Aktiviti Menjual di tamu	109

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

SBUB	-	Syarikat Borneo Utara British
MPKAN	-	Majlis Penasihat Ketua Anak Negeri




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kegiatan perkembangan perniagaan kecil di Borneo Utara semasa era penjajahan merupakan satu subjek kajian yang menjadi perbincangan golongan sarjana sejak sekian lama. Walau bagaimanapun kebanyakannya penulisan tentang perkembangan perniagaan kecil dalam kalangan masyarakat Dusun di Kota Belud kurang disentuh oleh masyarakat secara menyeluruh dan terperinci. Perkara ini dapat dilihat secara jelas terutama sekali semasa era kolonialisme iaitu kebanyakannya penulisan sejarah seringkali memaparkan kegiatan perniagaan kecil secara umum sahaja.



Secara umumnya perkembangan perniagaan kecil di Borneo Utara ini terbahagi kepada empat peringkat utama iaitu sebelum abad ke-19 iaitu semasa di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei, semasa di bawah pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (1881-1941), semasa dibawah pentadbiran pihak Jepun (1942-1945) dan pada Zaman kolonial British (1945-1963). Merujuk kepada kamus dewan bahasa dan pustaka edisi keempat, istilah perniagaan berasal dari kata dasar niaga yang bermaksud dagang. Perniagaan kecil merujuk kepada satu kegiatan perdagangan secara kecil-kecilan atau satu kegiatan menjual barang sebagai satu pekerjaan.¹ Sememangnya, penglibatan masyarakat Dusun dalam kegiatan perniagaan kecil di Kota Belud merupakan salah salah perubahan sosial dalam kehidupan mereka. Hal ini kerana, sebelum kedatangan Syarikat Borneo Utara British (SBUB) ke Borneo Utara pada tahun 1881, masyarakat Dusun pada awalnya hanya terlibat dalam kegiatan ekonomi tradisional, iaitu pertanian sara diri, seperti menanam padi, bercucuk tanam dan memungut hasil hutan. Hal ini seperti yang

¹ Kamu Dewan Bahasa Edisi Keempat, Dewan Bahasa Pustaka, 2015.

dinyatakan oleh Pacos Trust, Borneo Utara dalam penulisan mereka *Borneo Utara's Indigenous Peoples' Integration into the Market Economy*² yang mencatatkan tentang kegiatan awal masyarakat tempatan di Borneo Utara yang lebih tertumpu dalam bidang pertanian dan penternakan sahaja. Setiap kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat ini dipengaruhi oleh keadaan persekitaran dan kawasan tempat tinggal mereka masing-masing.³ Amnya, masyarakat Dusun yang tinggal di kawasan bukit atau tanah tinggi akan menanam padi huma (padi bukit) sebagai tanaman utama, serta menanam jagung, ubi kayu, ubi keledek dan sayur-sayuran sebagai tanaman tambahan⁴. Manakala masyarakat Dusun yang tinggal di kawasan lembah menanam padi sawah secara besar-besaran sebagai aktiviti utama dan menangkap ikan serta tanaman lain sebagai tanaman tambahan.⁵

Pada peringkat awal, perkembangan perniagaan kecil dalam kalangan masyarakat ini bermula apabila terdapatnya lebihan hasil pertanian oleh masyarakat Dusun dan mereka akan memberikan hasil pertanian ini kepada penduduk yang lain tanpa sebarang bayaran atau balasan.⁶ Prinsip pertukaran barang ini berdasarkan prinsip timbal balik, tanggungjawab sosial dan memberi bantuan sumber untuk kelangsungan hidup. Pemberian hasil lebihan hasil pertanian ini bertukar kepada pertukaran barang antara satu individu dengan individu yang lain. Kaedah pertukaran ini semakin meluas dengan masyarakat tempatan yang lain di Kota Belud disebabkan keperluan barang yang diperlukan. Walau bagaimanapun, masalah perpaduan dalam kalangan masyarakat di Kota Belud menyukarkan masyarakat ini berinteraksi dengan masyarakat lain kerana tidak mempunyai persefahaman, sering bergaduh dan bermusuhan antara satu sesame mereka. Masalah perpaduan kaum

² P. Trust, Rich Individual, Poor Communities, dalam, *Asia Indigenous Peoples' Pact Foundation, Trading for Gold*, Thailand: AIPP 2004, hlm. 6.

³Masyarakat tempatan menjalankan kegiatan ekonomi mengikut bentuk fizikal bumi. Masyarakat Dusun yang tinggal di kawasan bukit menjalankan ekonomi mencari hasil hutan dan menanam padi huma, manakala masyarakat Dusun yang tinggal di kawasan tanah pamah menjalankan ekonomi menangkap ikan dan penanaman padi sawah. Lihat D.S.R., Singh, 2011, hlm. 34.

⁴ D.S.R. Singh., *The Making of Borneo Utara 1865-1965: The Dynamics of Indigenous Society*, Kota Kinabalu: Jabatan Ketua Menteri, 2010, hlm. 34.

⁵ *Ibid*, hlm. 35.

⁶ *Ibid*, hlm. 4.

antara tiga suku kaum di Kota Belud iaitu masyarakat Dusun, masyarakat Bajau dan masyarakat Irranun sangat sukar dipersatukan.⁷ Ketidaksefahaman ini berpunca daripada perbezaan penggunaan bahasa, budaya dan kepercayaan antara ketiga-tiga masyarakat sehingga menyebabkan pertengkaran. Walau bagaimanapun, kekurangan keperluan bahan asas yang lain menyebabkan mereka keluar daripada kelompok masyarakat mereka dan cuba untuk berinteraksi dengan masyarakat tempatan lain bagi mendapatkan barang yang lain. Hal ini disebabkan setiap kelompok masyarakat ini mempunyai kepakaran yang berbeza dalam menghasilkan barang tempatan. Sebagai contohnya, masyarakat Dusun terkenal dengan hasil hutan dan hasil pertanian, masyarakat Bajau terkenal dengan aktiviti menangkap ikan, memungut trepang, telur penyu, dan aktiviti menyelam iaitu memungut mutiara kerang. Manakala, masyarakat Irranun pula lebih dikenali sebagai pedagang yang menjual pelbagai barang seperti alat muzik dan pakaian.⁸

Desakan untuk mendapatkan barang dari masyarakat lain menyebabkan mereka cuba melawan ketakutan untuk berinteraksi dengan masyarakat lain di daerah ini. Hubungan ini dimulakan dengan kegiatan aktiviti bertukar barang dalam kalangan masyarakat setempat dan dilakukan di suatu tempat terbuka yang dikenali sebagai *badi*. Sebutan *badi* ini adalah merujuk kepada pasar terbuka atau *tamu* bagi menjalankan kegiatan bertemu dengan masyarakat lain dan seterusnya melakukan kegiatan bertukar barang. Berdasarkan kenyataan Rutter (1929) beliau menyatakan bahawa wujudnya kegiatan perniagaan pada awal pagi di tepi sungai Tempasuk (salah satu kampung di daerah Kota Belud pada masa kini yang dahulunya sebagai pusat pentadbiran SBUB. Perkembangan aktiviti perniagaan kecil ini kemudian telah berubah dari satu lokasi yang lapang kepada satu lokasi yang sehingga akhirnya menjadi satu kegiatan mingguan dalam kehidupan mereka.

Walaupun terdapat pemusatan kegiatan perniagaan kecil bagi masyarakat Dusun di Kota Belud sepanjang era penjajahan dari tahun 1881-1963 namun

⁷ *Ibid.*, hlm. 7.

⁸ *Ibid.*, hlm 15.

kegiatan perniagaan kecil ini telah mengalami pelbagai perubahan dari segi dasar pentadbiran yang berbeza. Oleh itu, kajian ini merupakan satu tindakan untuk menganalisis perkembangan kegiatan perniagaan kecil yang berlaku dalam kalangan masyarakat Dusun di Kota Belud sepanjang era penjajahan.

1.2 Permasalahan Kajian

Pemikiran sterotaip terhadap masyarakat Dusun Kota Belud adalah masyarakat ini hanya tertumpu dalam bidang pertanian sahaja. Perkataan ‘Dusun’ merujuk kepada ladang, buah-buahan menyebabkan masyarakat ini mudah dikenali umum sebagai satu masyarakat yang tinggal di kebun dan menjalankan pelbagai kegiatan pertanian. Namun, secara realitinya semasa era penjajahan dan keterbukaan Borneo Utara kepada sistem ekonomi kolonial, masyarakat Dusun di Kota Belud juga bergerak selangkah lagi dengan berkecimpung dalam aktiviti perekonomian yang lain iaitu selari dengan perubahan yang berlaku di Borneo Utara.⁹ Manifestasi ini jelas dengan penglibatan masyarakat ini dalam kegiatan perniagaan kecil semasa era penjajahan, iaitu dari era SBUB, pendudukan Jepun, dan sehingga ke era kolonial British. Ciri-ciri perniagaan kecil yang diusahakan oleh masyarakat Dusun Kota Belud dan cara perkembangannya mempunyai persamaan serta perbezaan semasa tiga era pentadbiran yang berbeza, dan ini akan dikupas dengan lebih lanjut lagi dalam kajian ini.

Aktiviti perniagaan kecil seringkali dikaitkan dengan faktor ekonomi di mana mereka yang terlibat dalam aktiviti ini melakukannya kerana mereka memerlukan barang lain untuk ditukarkan atau mereka memerlukan wang bagi membeli keperluan hidup yang lain.¹⁰ Terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa aktiviti perniagaan kecil sebagai suatu bentuk aktiviti sosialisasi di antara masyarakat setempat bagi memupuk keharmonian di antara masyarakat yang berbilang suku dan

⁹ *Ibid.*, hlm. 59.

¹⁰ H.S. Chong & A.F., *The Tamu: Borneo Utara's Native Market*, Kota Kinabalu: Opus Publication, 2008, hlm. 23.

etnik.¹¹ Adalah dipercayai bahawa kegiatan aktiviti harian yang dilakukan oleh masyarakat Dusun di Kota Belud seringkali dipengaruhi oleh keperluan diri dan keluarga, serta keperluan masyarakat sekitar. Sejauh manakah pendapat ini boleh dipertahankan? Apakah faktor yang menyebabkan masyarakat Dusun di Kota Belud terlibat dalam kegiatan perniagaan kecil-kecilan di Kota Belud sepanjang era penjajahan? Apakah cabaran yang terpaksa dilalui dalam perniagaan kecil sepanjang tempoh pemerintahan kerajaan penjajah? Adakah pihak pemerintah turut memainkan peranan dalam penglibatan masyarakat Dusun dalam perniagaan kecil-kecilan di Kota Belud? Bagaimana reaksi peniaga Dusun dalam menghadapi dasar kerajaan penjajah? Sejauhmanakah penglibatan masyarakat Dusun dalam perniagaan kecil telah memberi impak kepada kehidupan mereka?

Penglibatan masyarakat tempatan dalam perniagaan kecil bukanlah suatu perkara yang mudah dan sudah tentunya berhadapan dengan pelbagai cabaran dan risiko, sama ada dalam bentuk kekurangan ilmu pengetahuan bermula, risiko persaingan di antara peniaga, risiko masalah fizikal seperti bentuk muka bumi yang mencabar dan menghalang akses, ketiadaan atau kekurangan infrastruktur serta komunikasi, risiko kekurangan ilmu pengetahuan, dan lain-lain. Dalam konteks masyarakat Dusun di Kota Belud, bagaimanakah mereka berhadapan dengan cabaran dan risiko yang dihadapi sejak era SBUB sehingga ke zaman kolonial British? Adakah mereka mampu bersaing dengan masyarakat lain seperti masyarakat Bajau, Irranun, Cina, dan lain-lain, yang turut terlibat dalam aktiviti perekonomian yang sama? Adakah mereka mempunyai pengetahuan yang memadai tentang ilmu selok belok perniagaan kecil ini? Bagaimanakah peniaga kecil-kecilan Dusun di Kota Belud berhadapan dengan dasar Jepun yang agresif?

Justeru itu, permasalahan kajian yang mendasari penyelidikan ini adalah berkaitan dengan dinamika perniagaan kecil masyarakat Dusun di Kota Belud dari tahun 1881 hingga tahun 1963, yang telah melalui pelbagai perubahan selari dengan perkembangan politik, ekonomi dan sosial yang berlaku di Borneo Utara. Tidak dinafikan bahawa penglibatan masyarakat Dusun dalam perniagaan kecil di Kota

¹¹ J.M. Padasian, Cultural Progress and The Arts, dalam *Commemorative History of Sabah 1881-1981*, Kota Kinabalu: Centenary Publication Sabah, 1981, hlm. 530

Belud terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran namun peranan yang dimainkan oleh pihak pentadbiran sedikit sebanyak telah membantu dan menyediakan lebih banyak peluang kepada masyarakat Dusun, lantas membawa impak yang signifikan kepada kehidupan mereka.

Secara spesifiknya persoalan kajian yang akan dibincangkan dalam kajian ini adalah:

- 1) Mengapakah aktiviti perniagaan di tamu yang diusahakan oleh masyarakat Dusun di Kota Belud dari tahun 1881 sehingga 1963?
- 2) Apakah cabaran yang mereka hadapi sepanjang perkembangan perniagaan kecil serta penglibatan masyarakat Dusun di Kota Belud sepanjang tempoh dari 1881 sehingga 1963?
- 3) Bagaimanakah pentadbir tempatan dan pentadbir kerajaan pemerintah membantu mengatasi masalah golongan peniaga kecil di tamu sepanjang era penjajahan ini?
- 4) Apakah reaksi peniaga masyarakat Dusun di Kota Belud terhadap dasar kerajaan Borneo Utara berhubung dengan perniagaan kecil-kecilan yang mereka laksanakan sepanjang tempoh 1881 sehingga 1963?

1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk menjelaskan perkembangan penglibatan masyarakat Dusun di Kota Belud dalam bidang perniagaan kecil sepanjang era penjajahan iaitu dari tahun 1881 sehingga tahun 1963. Dalam mencapai tujuan ini terdapat empat objektif utama kajian ini dijalankan.

Objektif Pertama adalah untuk mengkaji sebab-sebab penglibatan awal kegiatan perniagaan kecil masyarakat Dusun Kota Belud. Hal ini merangkumi jenis-jenis kegiatan ekonomi yang dijalankan serta faktor utama perubahan kegiatan ekonomi sara diri yang membawa kepada penglibatan mereka dalam perniagaan kecil.

Objektif kedua adalah untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh peniaga Dusun dalam menjalankan kegiatan perniagaan kecil sepanjang era penjajahan. Dalam perkara ini, ianya merangkumi cabaran menghadapi perubahan untuk mengikuti dasar yang dilaksanakan oleh pihak penjajah.

Objektif Ketiga adalah membincangkan tentang peranan pihak kerajaan pemerintah dan pihak pentadbir tempatan sepanjang era penjajahan dalam usaha membantu mengembangkan kegiatan perniagaan kecil ini. Hal ini disebabkan polisi dan dasar pemerintahan bagi setiap kerajaan pemerintah adalah berbeza dan mengundang reaksi dari masyarakat Dusun, lantas mempengaruhi kegiatan ekonomi yang dijalankan masyarakat Dusun.

Objektif terakhir adalah menilai reaksi peniaga masyarakat Dusun terhadap dasar kerajaan penjajah sepanjang era penjajahan.

1.4 Sorotan Literatur

Banyak penulisan yang menyentuh tentang perniagaan kecil di Borneo Utara namun penekanan terhadap perkembangan perniagaan kecil di daerah Kota Belud dalam kalangan masyarakat Dusun masih kurang ditonjolkan. Panduan utama yang menjadi nadi kepada penulisan ini ialah Chong Han San dan Low Ai Fuah, Danny Wong Tze Ken, James F. Ongkili, W.H. Treacher, D.S Ranjit Singh, K.G Tregoning, Owen Rutter dan beberapa jurnal daripada penulisan bahan ilmiah yang lain.

Di dalam tema ekonomi-perniagaan kecil, antara buku tersebut yang membincangkan tentang tema perniagaan kecil di tamu adalah seperti seperti yang ditulis oleh Padasian (1981) dalam tajuk jurnalnya *Culture Progress and The Arts* yang menyatakan bahawa terdapat kegiatan menjual barang tempatan di tamu dan beliau turut menyatakan bahawa usaha pentadbir tempatan untuk mengadakan promosi jualan di tamu ini dengan mengadakan pesta tamu besar.¹² Padasian turut

¹² *Ibid.*, hlm. 530.

menyatakan bahawa beberapa fungsi lain di tamu selain daripada kegiatan aktiviti jualan adalah seperti mesyuarat dalam kalangan pentadbir tempatan serta merupakan satu medan tempat pertemuan antara masyarakat tempatan. Rimmer (1999) turut menyokong pendapat sarjana ini dalam bukunya *The Tambaruli Tamu: A Borneo Utara Market*.¹³ Beliau telah menulis tentang kegiatan perniagaan kecil di tamu di daerah Tambaruli. Menurut Rimmer, tamu yang dijalankan di daerah Tambaruli diadakan pada setiap pagi hari Rabu merupakan satu cara masyarakat pribumi untuk bertemu dan berinteraksi antara mereka. Aktiviti perniagaan di Tamu ini bermula dengan menyusun hasil-hasil ekonomi mereka seawal petang hari selasa. Terdapat banyak hasil – hasil pertanian yang diperniagakan oleh masyarakat di sekitar tersebut. Selain daripada masyarakat Pribumi di Borneo Utara, tamu juga terkenal dalam kalangan masyarakat Cina dan India di Borneo Utara. Mereka juga sering berkunjung ke tamu tersebut bagi mendapatkan barang keperluan asas seperti hasil pertanian, perikanan dan kraftangan yang dihasilkan oleh masyarakat pribumi. Menurut Chong dan Low (2008) dalam bukunya *The Tamu : Borneo Utara's Native Market*¹⁴ juga turut menyatakan bahawa tamu adalah tempat pertemuan antara penduduk tempatan dan aktiviti menjual barang tempatan oleh masyarakat pribumi Borneo Utara dilakukan di tamu. Selain itu, sarjana ini juga turut menyentuh tentang latar belakang aktiviti perniagaan kecil masyarakat dahulu serta perubahannya sehingga kini. Menurut beliau, aktiviti perniagaan tamu ini merupakan satu aktiviti yang unik yang bertujuan untuk bertemu dengan masyarakat tempatan atau luar di satu tempat yang ditetapkan oleh pihak pentadbir. Pacos Trust Borneo Utara dalam jurnal *Trading For Gold: Indigenous People and the Market Economy* turut menyentuh tentang konsep perniagaan kecil dan sistem ekonomi tradisional masyarakat Dusun di Borneo Utara.¹⁵ Sarjana ini menyatakan kegiatan pertukaran barang dalam kalangan masyarakat tempatan akhirnya membawa kepada penglibatan kegiatan perniagaan kecil di tamu.

¹³ T. Rimmer, *The Tambaruli Tamu: A Borneo Utara Market*, Kota Kinabalu: The Borneo Utara Society, 1999.

¹⁴ H.S. Chong & A.F., *The Tamu: Borneo Utara's Native Market*, 2008.

¹⁵ P. Trust, Rich Individual, Poor Communities, dalam, *Asia Indigenous Peoples' Pact Foundation, Trading for Gold*, 2004.

Beliau turut menyentuh dasar pentadbiran British terhadap kegiatan ekonomi masyarakat tempatan serta mengulas tentang kekayaan sumber ekonomi tempatan namun negara masih dalam kepompong kemiskinan. Penulisan golongan sarjana kajian ini sangat bermakna dalam kajian ini kerana banyak mengupas tentang ciri-ciri sistem ekonomi tradisional dan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat dalam usaha mengembangkan ekonomi masyarakatnya serta perkembangan kegiatan perniagaan kecil. Walaupun kupasan penulis ini hanya menyentuh tentang perkembangan awal perniagaan kecil serta ciri-ciri ekonomi tradisional namun idea penulisan ini cukup bermakna kerana menjadi panduan untuk mengupas lebih lanjut tentang kronologi perkembangan aktiviti perniagaan kecil masyarakat Dusun di Kota Belud. Melalui penulisan ini pula, perkembangan awal kegiatan ekonomi masyarakat Dusun di Kota Belud akan diketengahkan dan perubahan perkembangan perniagaan kecil akan dijelaskan secara kronologi sepanjang era penjajahan yang bermula dari tahun 1881 sehingga 1963.

Selain itu, dalam tema pentadbiran pula, terdapat antara penulisan yang telah mengetengahkan ideanya adalah seperti Treacher (1891) dalam penulisannya British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo.¹⁶ Beliau telah membincangkan tentang kedatangan awal pihak kerajaan penjajahan ke Borneo Utara. Penulisan beliau menjelaskan bahawa sebelum Borneo Utara diambil oleh oleh SBUB, Borneo Utara dibawah pentadbiran Kesultanan Brunei.¹⁷ Penulisan beliau menceritakan bahawa kegiatan perniagaan yang terawal dijalankan di Borneo Utara adalah tembakau dan arang batu yang telah dijalankan di pantai timur Borneo Utara. Beliau turut mengupas kehidupan masyarakat di Borneo Utara secara ringkasnya yang menyatakan bahawa kebanyakan masyarakat ini menganut agama Pagan mempunyai pertuturan bahasa yang berbeza. Walaupun kupasan Treacher secara ringkas sahaja namun, penulisannya sangat bermanfaat untuk dijadikan panduan terutama sekali berkaitan dengan struktur masyarakat terawal di Borneo Utara. Selain itu terdapat penulis lain yang turut membincangkan perkara ini adalah melalui

¹⁶ W.H. Treacher, *British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo*, Royal Asiatic Society: Singapura, 1891.

¹⁷ *Ibid.*, hlm.17.

penulisan K.P Tabrett (1998)¹⁸ dalam Borneo Utara Jurnal Vol 15, dalam penulisannya *Early Constabulary Expeditions in British North Borneo, 1883 - 1888*. Penulisan ini penting kerana penulis turut mengupas tentang bentuk-bentuk dasar pentadbiran British ke atas Borneo Utara dan usaha-usaha kerajaan pemerintah Borneo Utara dalam mengatasi masalah pemberontakan kaum yang terdapat di Borneo Utara pada ketika itu. Walaupun beliau hanya menyentuh tentang dasar pentadbiran British dalam usaha mentadbir urus masyarakat tempatan namun penulisan beliau sangat penting dalam mengenal pasti dasar British yang dilaksanakan pada ketika itu terhadap setiap kegiatan masyarakat Dusun di Kota Belud. Penulisan ini turut disokong oleh Ongkili (2004) dalam Borneo Utara Jurnal Vol 16, tahun 2003-2004 dalam penulisannya bertajuk *Kadazan Leadership and Ethnic Consciousness in Pre-Colonial Borneo Utara*.¹⁹ Dalam penulisan beliau ialah tentang dasar pentadbiran British kepada masyarakat tempatan dan usaha-usaha kerajaan dalam memberi sokongan golongan peniaga kecil di tamu untuk memulihkan semula kegiatan perniagaan kecil mereka selepas pendudukan Jepun.

Selain itu terdapat juga penulis yang menulis tema politik pentadbiran yang mempunyai perkaitan tentang dasar ekonomi-perniagaan kecil, pengkaji telah menggunakan karya oleh K.G Tregonning (2007 dan 1965), yang mengutarkan pelbagai peristiwa penting yang berlaku di Borneo Utara sepanjang pemerintahan SBUB dan kolonial British dari tahun 1881 sehingga tahun 1963.²⁰ Kedua-dua buah buku ini juga memaparkan perubahan dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh SBUB dan kolonial British terhadap sistem politik-pentadbiran, sosial dan juga ekonomi masyarakat peribumi di Borneo Utara. Beliau juga turut menjelaskan secara terperinci mengenai peranan Ketua Anak Negeri, Pegawai Daerah, sistem pendidikan, kesihatan dan sebagainya sepanjang pentadbiran SBUB sehingga penjajahan kolonial British. Keadaan ini secara tidak langsung telah membawa masyarakat

¹⁸ K.P. Tabrett, *Early Constabulary Expeditions in British North Borneo, 1883 to 1888*, dalam *Jurnal Borneo Utara*, (15), 1998.

¹⁹ J.F. Ongkili, *Kadazan Leadership and Ethnic Consciousness in Pre-Colonial Borneo Utara*, *Borneo Utara Jurnal*, Vol 16, 2004.

²⁰ K.G. Tregonning, *A History of Modern Borneo Utara (North Borneo 1881-1946)*, Kuala Lumpur: University of Malaya, 1965.